



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

Lee Chee You

Ketua Penolong Pengarah, BPIIB

Topik Pertama:

Kerja Pembinaan Kejuruteraan Awam

Pengenalan

Kerja pembinaan kejuruteraan awam adalah merujuk kepada tiga (3) kumpulan aktiviti pembinaan yang ditakrifkan mengikut Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0:


- 4210** ➤ Pembinaan jalan raya dan landasan kereta api
- 4220** ➤ Pembinaan projek utiliti
- 4290** ➤ Pembinaan projek kejuruteraan awam lain, kecuali bangunan

Statistik Utama


Prestasi subsektor kejuruteraan awam, tahun 2010, 2015 dan 2017.

	Output RM Bilion	Pekerja '000 orang	Gaji & Upah RM Bilion
2017:	63.7	349.8	11.2
2015:	48.1	325.7	8.5
2010:	24.9	251.8	5.2


Subsektor kejuruteraan awam penyumbang utama nilai kerja pembinaan dalam sektor pembinaan pada 2016-2019.



Sumbangan nilai kerja pembinaan subsektor kejuruteraan awam tertinggi di Empat (4) negeri pada suku tahun keempat 2019.



Guna tenaga subsektor kejuruteraan awam, 2015:




Sumbangan ➤➤ Purata gaji bulanan

- ✓ Pekerja diambil secara langsung: **48.3%**, RM1,851
- ✓ Pekerja diambil melalui kontraktor: **30.9%**, RM1,839
- ✓ Pengurus, profesional & penyelidik: **5.6%**, RM,7380
- ✓ Juruteknik & profesional bersekutu: **5.2%**, RM3,534
- ✓ Pekerja sokongan perkeranian: **4.4%**, RM1,832
- ✓ Pekerja asas: **3.4%**, RM1,441
- ✓ Operator mesin dan loji & pemasang: **1.6%**, RM1,823
- ✓ Pekerja perkhidmatan & jualan: **0.5%**, RM2,357




Komposisi dan purata gaji bulanan dibayar mengikut kategori kemahiran pekerja, 2015



Projek awam dominasi nilai kerja pembinaan subsektor kejuruteraan awam sepanjang tempoh 2010-2019.

Nilai Kerja Pmbinaan Mengikut Pemilikan Projek Kejuruteraan Awam, 2010-2019



Kesan COVID-19

Kerja pembinaan kejuruteraan awam diklasifikasikan bukan perkhidmatan perlu (*Essential Service*) di bawah perintah kawalan pergerakan (PKP). Semua projek hendak berhenti pada tempoh 18 Mac – 28 April 2020 kecuali kerja-kerja kritikal.



Inisiatif ASEAN Mengimbangi Kesan COVID-19



MALAYSIA


Mengeluarkan pakej rangsangan ekonomi prihatin bernilai RM250 bilion. Pakej ini melaksanakan strategi mengurangkan kesan penularan wabak COVID-19.

SINGAPORE

Memperkenalkan insentif untuk menyokong perniagaan yang terjejas oleh COVID-19 melalui Belanjawan Negeri 2020.

INDONESIA

Dua pakej rangsangan yang bernilai US\$725 juta dan US\$8 billion, termasuk US\$104 juta bagi program perumahan bersubsidi untuk membantu membiayai pembangunan 175,000 rumah baru.



VIETNAM

Mengumumkan Insentif bernilai US\$1.16 bilion untuk mengurangkan kesan COVID-19 kepada ekonomi. Bank Negara telah mengurangkan kadar faedah sebanyak 0.5-1 mata peratusan dan membatalkan yuran transaksi.

CAMBODIA

Operasi syarikat yang terjejas akibat COVID-19 akan diberi cuti cukai enam bulan hingga satu tahun. Kerajaan membatalkan cukai duti setem 4% ke atas pemindahan harta kediaman dari Februari 2020 hingga Januari 2021.

THAILAND, LAOS, MYANMAR, BRUNEI & PHILIPPINES Tiada



Cabaran

01 Kemajuan siap projek

Kontraktor yang terpaksa berhenti kerja pembinaan semasa PKP menanggung risiko gagal siap projek dan membayar ganti rugi mengikut perjanjian.

02 Aliran Tunai

Kontraktor terus membayar gaji, sewa, pinjaman dan lain-lain perbelanjaan mengakibatkan kekangan aliran tunai.

03 Prospek projek utama

Risiko pelaksanaan projek baru/ penyambungan semula projek utama awam.

04 Sumber Pekerja Asing

Kontraktor menghadapi ketidakpastian dalam mengambil pekerja tambahan sementara selepas PKP untuk menyambung semula projek supaya dapat selesai mengikut tempoh kontrak.

Topik Kedua:

Pembuatan Logam dan Mineral Bukan Logam

Pengenalan

Pembuatan produk logam dan mineral bukan logam merujuk kepada tiga (3) kumpulan aktiviti pembuatan yang ditakrifkan mengikut MSIC 2008 Versi 1.0, iaitu kumpulan 23, 24 dan 25.

Kebanyakan hasil pengeluaran subsektor ini adalah untuk kegunaan tempatan (Domestic oriented).

MSIC 23
Pembuatan produk galian bukan logam lain




MSIC 24
Pembuatan logam asas



MSIC 25
Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan



Statistik Utama



COVID-19
PANDEMIC

Beroperasi

66.7%

Tidak Beroperasi

33.7%

Cabaran



Perkhidmatan bukan *essential*

Operasi kilang keluli terpaksa berhenti 28 hari, susulan pengumuman PKP oleh kerajaan. Penutupan dijangka mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak RM3.2 billion.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

